

Universiti awam sedia ambil langkah proaktif

Shah Alam: Kelewatan kontrak dalam pembangunan Universiti Teknologi MARA (UiTM) perlu mengambil kira banyak faktor dan membabitkan beberapa pihak lain.

Naib Canselornya, Tan Sri Prof Sahol Hamid Abu Bakar, berkata ia termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) dan institusi kewangan.

"Pengurusan UiTM menganggap Laporan Audit sebagai teguran membina dan akan memastikan projek pembangunan berjalan lancar mengikut jadual," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Pengurusan perolehan

Beliau diminta mengulas Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 2, yang membuat teguran terhadap sembilan universiti awam membabitkan pengurusan perolehan.

Selain UiTM, universiti lain ialah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Malay-

sia (UTM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Di **Johor Bahru**, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) akan mengambil langkah proaktif bagi memperbaiki kelemahan dibangkitkan dalam Laporan Audit.

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Wahid Omar, berkata antara langkah diambil ialah memperbaiki kaedah perolehan dan pemantauan lebih tegas, selain menghebahkan hasil audit kepada kakitangan UTM supaya kelemahan dapat diperbaiki.

"Surat tunjuk sebab kepada pegawai atau pusat tanggungjawab turut dikeluarkan oleh UTM," katanya dalam kenyataan dimuat naik dalam akaun Facebook (FB) miliknya, semalam.

Antara lain, Laporan Audit mengesan perolehan tidak mengikut tatacara, kelemahan pengurusan kontrak dan projek pembinaan serta reka bentuk bangunan pengurusan Fakulti Petroleum dan Kejuruteraan Tenaga Diper-

baharui (FPREE) bernilai RM5.11 juta belum disiapkan 301 hari setakat pengauditan dijalankan.

Berhubung kelewatan projek itu, Wahid berkata, pihaknya dalam proses melantik kontraktor baharu dan menguruskan projek mengikut ketetapan.

Di **Kota Samarahan**, pengurusan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sudah mengemukakan penjelasan kepada Kementerian Pendidikan berhubung teguran

Laporan Audit.

Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Kadim Suadi (**gambar**), berkata ia sebahagian daripada prosedur perlu dipatuhi pengurusan universiti.

"Kita sudah mengemukakan penjelasan lengkap dan bukti berkaitan seperti diminta tetapi belum menerima maklum balas mengenainya setakat ini," katanya kepada BH selepas menghadiri Majlis Penyerahan Sijil Kelulusan Polis Bantuan UNIMAS, di sini, semalam.

